

BAB PERTAMA

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Setiap bahasa mempunyai sistemnya yang tersendiri. Sistem bahasa itu terdiri daripada ciri-ciri tertentu, sama ada dari segi persamaan mahupun perbezaan antara bahasa-bahasa yang wujud. Segala persamaan dan perbezaan yang wujud ini dikaji dan dianalisis secara sistematik melalui kaedah analisis kontrastif. Kaedah ini dapat mengenalpasti segala permasalahan yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa sasaran (Roshidah Hassan:1997:1).

Seseorang yang mempelajari sesuatu bahasa asing akan menghadapi kesukaran dan kesulitan dalam proses pembelajarannya. Para linguist mencadangkan agar setiap kesulitan itu perlu dilihat, dikaji dan seterusnya diamati melalui kaedah analisis kontrastif. Menurut Jamaliah Mohd Ali (1998:333) analisis kontrastif ini merupakan satu teknik menganalisis linguistik yang telah dikembangkan oleh Bloomfield (1914) dengan tujuan menganalisis bahasa secara terencana dan seterusnya dikembangkan lagi oleh Fries dan Lado sekitar tahun 50-an.

Antara aspek yang mempengaruhi dalam pembentukan sesuatu bahasa adalah sintaksis. Sintaksis merupakan satu cabang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat. Sintaksis bukan sahaja mengkaji proses pembinaan ayat tetapi juga hukum-hukum yang menentukan bagaimana perkataan disusun dalam ayat.

Menurut Abd. al-Aziz 'Ati:q (1974:135) yang mengambil kata-kata dari Ibn Jinni:yy (أبن جني)

(جني) di dalam karangannya al-Khasa:is memberikan pengertian sintaksis itu adalah suatu

kaedah dan rumusan orang Arab yang berpandukan kepada kaedah bahasa mereka untuk

mengelakkan daripada berlaku kesilapan berbahasa dan menjadikan golongan bukan Arab fasih berbahasa Arab dan terhindar dari kesilapan.

Sintaksis juga dikenali sebagai Ilmu al-Nahu (عِلْمُ النَّحْوِ) di dalam pendidikan Arab yang diperkenalkan di Ira:q oleh Abu al-Aswad al-Du'aliyy (65-96H). Idea untuk menamakannya sebagai Ilmu al-Nahu adalah dari hasil ungkapan Sayidina 'Ali semasa Abu al-Aswad al-Du'aliyy membentangkan hasil tulisannya tentang ilmu ini kepada baginda yang berbunyi : (Tanta:wiyy,1995:33)

مَا أَحْسَنَ هَذَا النَّحْوَ الَّذِي قَدْ نَحَوْتَ

Bermaksud :” Alangkah indahny arah ini yang telah engkau terokai”

Oleh yang demikian, pemilihan tajuk kajian ini iaitu “ *Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab dan Melayu* ” adalah tajuk yang secara langsung berkaitan dengan sintaksis yang menekankan kepada pembentukan dan pembinaan sesuatu struktur asas ayat sama ada di dalam bahasa Arab mahupun bahasa Melayu. Kajian ini juga merupakan tajuk yang penting di dalam kajian terhadap sebarang persamaan dan perbezaan yang berlaku di antara bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dengan bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

Oleh itu, dengan adanya kajian seperti ini dapatlah kita mengetahui persamaan di dalam struktur asas ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu dan juga mendapati terdapat perbezaan yang berlaku di antara kedua-dua bahasa tersebut dalam membentuk dan membina struktur ayat betul dan tepat.

Hasil dari pengetahuan ini, mereka dapat meningkatkan motivasi diri untuk

mempelajari dan mengkaji serta mendalami bahasa Arab sebagai bahasa kedua mereka. Di samping itu juga mereka dapat meningkatkan pengetahuan di dalam pembinaan struktur ayat dan memudahkan mereka untuk membentuk ayat dengan betul. Hasil kajian ini juga akan menyebabkan pelajar tidak berasa bingung dan terkeliru untuk menggunakan struktur-struktur ayat yang tepat.

Oleh yang demikian, tajuk kajian kontrastif yang berkaitan dengan penstrukturan ayat bahasa Arab-Melayu adalah perlu untuk dikaji dan dianalisis sebagai panduan untuk dipraktikkan dan mendatangkan faedah kepada mereka yang ingin mendalami bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

1.1 Pernyataan Masalah

Mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua merupakan proses yang agak sukar yang dihadapi oleh pelajar, terutama dalam kalangan pelajar Melayu yang tidak terdedah secara langsung kepada situasi dan persekitaran sebenar bahasa Arab itu digunakan.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dikalangan pelajar Melayu, kesulitan dan kesukaran sering berlaku terutamanya berkisar dalam memahami dan menguasai konsep pembentukan dan penstrukturan asas ayat tersebut. Ini akan menghalang penguasaan bagi memahami bahasa Arab dengan lebih baik.

Kesulitan ini adalah berdasarkan faktor kelemahan yang wujud dalam menguasai konsep pembentukan dan penstrukturan ayat dasar bahasa Arab di samping gangguan dan pengaruh dari bahasa ibunda mereka. Di dalam pembinaan struktur ayat bahasa Arab yang dimulai dengan kata Kerja (KK) umpamanya, seperti contoh : *جاءَ زيدٌ* , yang dikenali sebagai *al-Jumlat al-Fi'liyyat*, pelajar akan menyebut kata kerjanya dahulu ketika menterjemahkannya. Berbanding di dalam bahasa Melayu yang mendahulukan kata nama (KN) sebelum kata Kerjanya seperti contoh di atas, iaitu : *Zaid telah datang*.

Kesulitan seperti di atas adalah sebahagian kesulitan dan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar. Oleh itu dengan adanya kajian kontrastif seperti ini dapat membantu dan memberikan pendedahan serta kefahaman yang sebaiknya kepada mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sudah sekian lama bertapak. Ini dapat dibuktikan dengan terbinanya sekolah-sekolah agama rakyat yang bersistemkan pondok atau madrasah. Berikutan sambutan yang menggalakkan di kalangan rakyat, maka terbinalah institusi-institusi pendidikan beraliran agama, sama ada dari usaha sendiri mahupun bantuan dari kerajaan negeri. Ini disusuli dengan terdirinya sekolah menengah kebangsaan beraliran agama yang dikenali dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan juga Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di seluruh Malaysia hingga kini.

Justeru semakin berkembangnya aliran agama ini, maka sukatan pelajaran pun berubah. Institusi-institusi agama ini menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa utama dan bahasa pengantar di dalam kitaran hidup harian guru dan pelajar di sekolah. Seiring dengan perkembangan ini, maka timbullah masalah di dalam penguasaan bahasa Arab yang kian lemah dan longlai dikalangan pelajar.

Masalah yang sering timbul di kala ini adalah kedapatan pelajar agak sukar untuk menguasai bahasa Arab. Antara sebab yang dapat dikenalpasti adalah kekeliruan di dalam membina struktur ayat di dalam bahasa Arab di samping faktor-faktor yang lain. Apabila kelemahan seperti ini timbul, maka penguasaan tidak mungkin tercapai sepenuhnya. Hasilnya pembinaan ayat di dalam bahasa Arab adalah mengikut acuan gaya bahasa dan struktur ayat bahasa ibunda dan ini akan mengakibatkan tersasarnya dari makna sebenarnya yang dimaksudkan.

Dari pernyataan di atas, dapatlah penulis simpulkan bahawa inilah peluang dan

ruang untuk merungkai permasalahan tersebut menerusi kajian kontrastif ini dengan mengemukakan tajuk, iaitu : “ **ANALISIS KONTRASTIF STRUKTUR ASAS AYAT BAHASA ARAB DAN MELAYU** “. Penulis mengharapkan hasil dari kajian dan analisis yang akan dihasilkan ini dapat memberikan imbuhan dan sumbangan kepada para pelajar dan guru serta masyarakat untuk mendalami dan menguasai bahasa Arab.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian yang akan dijalankan ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan yang lebih jelas dan mendalam kepada pelajar dan guru mengenai struktur asas ayat di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Namun secara khususnya, kajian ini adalah berobjektifkan kepada perkara-perkara berikut :

- i- Menjelaskan bentuk-bentuk asas ayat bahasa Arab
- ii- Menjelaskan bentuk-bentuk asas ayat bahasa Melayu
- iii- Mengenalpasti persamaan dan perbezaan yang wujud dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu
- iv- Memberi pendedahan dan pemahaman yang lebih mudah kepada pelajar dan guru dalam menguasai struktur asas ayat bahasa Arab

Berdasarkan objektif di atas, diharapkan kajian ini dapat membantu para pelajar dan guru dalam penguasaan mereka terhadap bahasa Arab dan meningkatkan motivasi diri untuk lebih mendalami lagi bahasa tersebut serta memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian kontrastif ini tertumpukan kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan

pembinaan struktur asas ayat yang berlaku di dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Begitu juga skop perbandingan antara kedua-dua bahasa tersebut dari aspek persamaan yang wujud dan juga perbezaannya yang akan dihasilkan.

Secara ringkasnya, aspek yang dikaji adalah berkaitan tentang subjek dan predikat di dalam bahasa Melayu. Manakala di dalam bahasa Arab dikenali sebagai al-Isnad (الإِسْنَادُ)

) yang mengandungi al-Musnad (المُسْنَدُ) dan al-Musnad ilayh (المُسْنَدُ إِلَيْهِ).

Di dalam bahasa Melayu, setiap ayat yang dibina adalah didahului dengan kata nama yang merupakan subjek atau benda. Ini berbeza dengan pembinaan ayat di dalam bahasa Arab.

Oleh itu, skop dan batasan kajian ini berkisar mengenai struktur-struktur ayat berikut dan berserta contohnya :

Bil	Struktur ayat bahasa Arab	Contoh	Makna
1-	فِعْلٌ + فَاعِلٌ : kata nama + pelaku	جَاءَ مُحَمَّدٌ	Muhammad telah datang
2-	فِعْلٌ + فَاعِلٌ + مَفْعُولٌ : kata nama + pelaku + objek (1,2 atau 3)	نَصَرَ الطَّالِبُ مُعَلِّمَهُ	Pelajar itu menolong gurunya
3-	فِعْلٌ + نَائِبُ الْفَاعِلِ : kata nama + pengganti pelaku	نُصِرَ الْمُعَلِّمُ	Guru itu ditolong

4-	: مُبْتَدَأٌ + خَبْرٌ مُفْرَدٌ subjek + predikat tunggal	الْبَيْتُ كَبِيرٌ	<i>Rumah itu besar</i>
5-	: مُبْتَدَأٌ + خَبْرٌ جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ subjek + predikat Ayat Kerjaan	مُحَمَّدٌ نَصَرَ الْمُعَلِّمَ	<i>Muhammad telah menolong seorang guru</i>
6-	: مُبْتَدَأٌ + خَبْرٌ جُمْلَةٌ اسْمِيَّةٌ subjek + predikat Ayat Namaan	مُحَمَّدٌ قَلَمُهُ جَدِيدٌ	<i>Muhammad punya baharu</i>
7-	: مُبْتَدَأٌ + خَبْرٌ ظَرْفُ الْمَكَانِ subjek + Frasa Adverba Tempat	الْمُعَلِّمُ أَمَامَ الْفَصْلِ	<i>Guru itu di depan kelas</i>
8-	: مُبْتَدَأٌ + خَبْرٌ ظَرْفُ الزَّمَانِ subjek + Frasa Adverba Masa	الْعُطْلَةُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ	<i>Cuti hari Jumaat</i>
9-	: مُبْتَدَأٌ + جَارٌ وَمَجْرُورٌ subjek + Frasa Anjung Ayat	الْمُعَلِّمُ فِي الْفَصْلِ	<i>Guru itu di dalam kelas</i>
10-	: خَبْرٌ مُقَدَّمٌ + مُبْتَدَأٌ مُؤَخَّرٌ pendeapanan predikat + pengakhiran subjek	فِي الْفَصْلِ الْمُعَلِّمُ	<i>Di dalam kelas ada guru</i>

Manakala di dalam bahasa Melayu pula, binaan ayatnya juga terdiri daripada subjek iaitu benda atau perkara yang diceritakan dan juga predikat iaitu cerita berkenaan sesuatu perkara itu.

Berikut adalah struktur asas di dalam pembinaan ayat bahasa Melayu pula, iaitu :

Bil	Struktur ayat bahasa Melayu	Contoh
1-	Subjek Frasa Nama + Predikat Frasa Nama	<i>Ahmad</i> guru
2-	Subjek Frasa Nama + Predikat Frasa Kerja	<i>Fatimah</i> sedang makan
3-	Subjek Frasa Nama + Predikat Frasa Sifat/adjektif	<i>Aminah</i> sangat cantik
4-	Subjek Frasa Nama + Predikat Frasa Sendi	<i>Adik</i> di dalam rumah

Struktur-struktur asas ayat di atas mempunyai persamaan dan perbezaan dengan struktur di dalam bahasa Arab dan perkara tersebut akan dihuraikan secara mendalam di dalam bab yang akan datang.

1.5 Tinjauan Kajian Berkaitan

Sebelum meneruskan kajian ini, terlebih dahulu penulis meninjau beberapa kajian yang dilakukan sebelum ini. Hasil tinjauan yang dibuat, penulis menemui beberapa disertasi sarjana dan tesis yang berkaitan dengan bidang yang akan dijalankan. Antaranya ialah:

1-“ *Pendepanan Subjek dan Predikat dalam Pembentukan Ayat Namaan di dalam Bahasa Arab*”. Abd Rahman bin Abd Rashid. Disertasi Sarjana Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM (1998)

Disertasi ini merupakan kajian ilmiah mengenai proses pembentukan Ayat Namaan melalui pendepanan subjek dan predikat. Penulis memberikan langkah-langkah pembentukan ayat tersebut berdasarkan kepada contoh pembentukan ayat dan analisisnya. Perbincangan dalam kajian ini dibentangkan dalam enam bab, antaranya; di dalam bab

pertama penulis menerangkan tentang pengenalan kajian yang akan dilakukan berkaitan dengan permasalahan, skop kajian, tujuan dan sebagainya. Seterusnya di dalam bab kedua penulis menumpukan kepada pengertian subjek dan predikat berdasarkan pandangan ahli sintaksis bahasa Arab serta ciri-ciri yang didapati pada kedua-duanya.

Penulis juga membicarakan tentang hubungan yang wujud antara subjek dan predikat sama ada hubungan secara nyata atau secara tak nyata berdasarkan struktur ayat berkenaan. Di dalam bab empat, penumpuan penulis adalah kepada kajian bentuk-bentuk pendepanan subjek dan predikat berserta contoh-contohnya dan seterusnya mengemukakan rumusan-rumusan mengenai kajian yang telah dilakukan dan cadangan yang patut ditengahkan.

2- *“Pelengkap Isnad dalam Bahasa Arab : Satu Kajian dalam Surah al-Kahf”*. Nik Mahiran bt Mohamad Noor. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM (2006)

Disertasi ini adalah satu kajian untuk menjelaskan tentang beberapa topik utama yang menjadi asas kepada bahasa Arab sekaligus menjelaskan tentang hubungan nahu atau sintaksis bahasa Arab dengan al-Qur’an. Ia mengaitkan hubungan antara ayat-ayat yang terdapat di dalam al-Qur’an dan peranan ayat dalam menyampaikan makna serta kedudukannya dalam sintaksis bahasa Arab.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa contoh-contoh pelengkap al-Isna:d banyak terdapat di dalam surah al-Kahf terutamanya contoh-contoh berkaitan zarf al-Maka:n (ظَرْفُ الْمَكَانِ) dan zarf al-Zama:n (ظَرْفُ الزَّمَانِ). Begitu juga dengan penggunaan al-Ha:l (الْحَالِ), al-Istithna:’ (الاستثناء) dan al-Tamyi:z (التَّمْيِيزِ). Manakala penggunaan Maf’u:l Lah (مَفْعُولٌ لَهُ) terdapat di dalam beberapa ayat tertentu sahaja.

Penulis juga mendapati terdapat beberapa perbezaan dari segi penggunaan istilah

di antara pakar sintaksis Arab dan pakar balaghah, begitu juga dari segi penekanan dan pembahagian tajuk-tajuk tertentu.

3- “*Subjek dan predikat : Satu Bandingan antara Bahasa Arab-Bahasa Melayu*”. Wan Moharani bin Mohammad. Disertasi sarjana, UKM 2003.

Kajian bandingan tertumpu pada dua kriteria utama, iaitu morfologi dan sintaksis dalam menganalisis subjek dan predikat dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Antara objektif utama kajian ini ialah menganalisis persamaan dan perbezaan subjek dan predikat dalam kedua-dua bahasa .

Dari sudut metode, kajian ini merupakan kajian perpustakaan yang membanding serta menganalisis binaan dan hukum tatabahasa subjek dan predikat kedua-dua bahasa. Seterusnya kajian ini mengkaji aspek persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa. Kajian ini mendapati ada persamaan dan perbezaan binaan serta hukum tatabahasa subjek dan predikat dalam kedua-dua bahasa.

Berdasarkan kajian ini, didapati juga bahasa Melayu mempunyai banyak persamaan dengan bahasa Arab dari aspek semantik dan penggunaan, walaupun kedua-duanya berasal dari dua rumpun bahasa yang berbeza.

4- “النَّظَامُ النَّحْوِيُّ فِي اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ وَالْمَالِيَّةِ : دِرَاسَةٌ فِي التَّحْلِيلِيِّ التَّقَابِلِيِّ” Mohd Zain bin Mahmud Ismail. Tesis Doktor Falsafah Uni. Iskandariah, Mesir (1994).

Kajian yang dijalankan adalah suatu bentuk perbandingan dari aturan nahu di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Penulis menyatakan setiap aturan nahu bahasa Arab disertakan sama sekali dengan nahu bahasa Melayu agar pembaca dapat membandingkannya dengan jelas antara kedua-dua bahasa tersebut.

Hasil tinjauan yang dilakukan ini, penulis mendapati kajian-kajian tersebut amat berguna untuk dijadikan panduan di dalam mendalami lagi bahasa Arab, terutamanya

kepada pengkaji-pengkaji baru di dalam bidang kontrastif ini. Di samping itu juga, kajian seperti ini juga dapat mendedahkan sebarang persamaan dan perbezaan yang wujud di antara kedua-dua bahasa berdasarkan kajian kontrastif yang dijalankan.

5. “ *Kiasan Bahasa Arab dan Bahasa Melayu : Satu Kajian Perbandingan*”. Azman bin Azizan. Disertasi Sarjana Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM

Kajian yang dijalankan oleh penulis ini adalah bermatlamatkan untuk menyatakan sebarang persamaan dan juga perbezaan dalam uslub al-Kina:yat_ bahasa Arab dan “Kiasan” bahasa Melayu. Selain daripada itu, kajian ini juga berobjektifkan sejauhmana persamaan dan perbezaan tersebut dapat memawa kepada keberkesanan penggunaan kiasan dalam pertuturan mahun dalam memahami ungkapan-ungkapan seperti di dalam al-Quran dan juga hadis.

Kajian ini juga dicetuskan untuk menyingkap rahsia pembentukan al-Kina:yat_ dan kiasan Melayu yang menjadi penyeri kepada kedua-dua bahasa.

1.6 Metodologi Kajian

Untuk meneruskan kajian ini, penulis akan mengemukakan metodologi kajian yang digunakan bagi memenuhi objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

Kajian ini tertumpu kepada kajian perpustakaan dan rujukan kepada bahan yang bersumberkan rujukan bahasa Arab dan juga rujukan bahasa Melayu serta segala kemudahan yang disediakan seperti bahan-bahan dari internet. Berdasarkan matlamat kajian ini, iaitu untuk menjelaskan konsep struktur binaan ayat dan perbandingannya bahasa Arab dan juga bahasa Melayu dari aspek persamaan dan perbezaan, maka penulis berpendapat tidak perlu untuk melibatkan kajian lapangan di dalam kes ini.

Dalam kajian analisis kontrastif ini juga, istilah-istilah Arab yang dipakai akan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan diikuti dengan istilah bahasa Arab yang asal. Ini adalah bertujuan utuk memberi maklumat kepada pembaca yang belum menguasai

bahasa Arab dengan baik di samping menjaga keaslian makna istilah yang digunakan.

Pendekatan yang akan digunakan oleh penulis dalam menganalisis data yang telah dikumpulkan adalah secara *kontrastif* atau *perbandingan*. Ini bermakna penulis akan mengkaji tentang struktur ayat kedua-dua bahasa yang berasal dari berlainan rumpun bahasanya.

Analisis ini adalah berkaitan dengan data utama (primer) iaitu bahasa Arab itu sendiri dan juga data kedua (sekunder) iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Seterusnya adalah proses menghuraikan asas-asas pembinaan kedua-dua bahasa secara khusus sebelum mengkategorikan ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang ada.

Hasil dari perbandingan yang dijalankan dengan pengamatan yang telus, rumusan bagi keseluruhan kajian akan dilaksanakan dan disusun di dalam bab yang tertentu. Kajian analisis kontrastif akan dijelaskan secara lebih jelas lagi di dalam bab kedua nanti.

1.7 Rangka Kajian

Di dalam kajian ini, penulis memperuntukan 7 bab untuk dimuatkan di dalam penyelidikan, iaitu :

Bab 1 :

Penumpuan terhadap latar belakang kajian, permasalahan, objektif, skop kajian, tinjauan kajian yang berkaitan, metod yang digunakan dan rangka kajian.

Bab 2 :

Penulis akan menghuraikan di dalam bab ini perkara-perkara yang berkaitan dengan pengenalan analisis kontrastif dan beberapa pendapat ahli linguistik tentang pentakrifan, sejarah dan teori-teori yang berkaitan dengan kajian.

Bab 3 :

Penulis akan menerangkan mengenai pengenalan subjek dan predikat di dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu dan perkaitan antara kedua-dua asas tersebut.

Bab 4:

Penulis akan menerangkan di dalam bab ini pengenalan asas pembinaan ayat bahasa Arab berserta contoh-contoh yang berkaitan.

Bab 5 :

Penulis akan memberikan pendedahan di dalam bab ini mengenai pengenalan asas pembinaan ayat bahasa Melayu dan contoh-contoh yang berkaitan.

Bab 6 :

Bab ini menekankan tentang kajian kontrastif yang dijalankan antara kedua-dua bahasa dari segi persamaan, kemudian perbezaan yang berlaku.

Bab 7 :

Di dalam bab ini, penulis akan membuat rumusan hasil dari kajian perbandingan yang dijalankan dan mengemukakan cadangan yang boleh diaplikasikan oleh pihak tertentu.

1.8 Kesimpulan

Bahasa Arab adalah satu bahasa yang unik dan tersendiri. Ia merupakan bahasa yang mempunyai ciri-ciri binaan ayatnya yang tersendiri dan terpelihara daripada sebarang kecacatan di samping keunikannya mampu menarik jiwa-jiwa manusia untuk mempelajarinya dan ia berkekalan walaupun telah berlalu berabad lamanya. Oleh itu

pemahaman dan penguasaannya perlu bagi setiap individu agar dapat memahami isi kandungan al-Qur'a:n dan al-Hadi:th dengan sebaiknya.

Bagi para pelajar, inilah peluang untuk memahami dan menguasai bahasa Arab di samping menilai ciri-ciri persamaannya antara bahasa pertuturan harian, iaitu bahasa ibunda dengan bahasa Arab. Di samping itu juga dapat menilai apakah yang membezakan antara kedua-duanya, terutamanya berkaitan pembinaan ayat. Semoga kajian yang dijalankan ini mendatangkan manfaat dan berguna dalam memartabatkan bahasa Arab di dalam kehidupan harian.